



PEKELILING JABATAN PENDAFTAR (KAMPUS KUALA LUMPUR) BIL.1/2018

Semua Kakitangan
Kampus Kuala Lumpur (Zon Cheras)

YBhg. Prof./ Dato' Seri / Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMANSUHAN SUMBANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN KHAS KAKITANGAN (ZON CHERAS)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang YBhg. Prof./ Dato' Seri / Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pada 1 September 2016 Pusat Perubatan UKM telah melaksanakan tempat letak kenderaan khas kakitangan berbayar kepada kakitangan yang layak diberi kemudahan tempat letak kenderaan. Setelah melebihi satu (1) tahun pelaksanaannya, Mesyuarat Pengurusan Kampus Kuala Lumpur (KKL) Bil. 2/2018 bertarikh 1 Mac 2018 memutuskan satu tinjauan melalui e-warga dilaksanakan kepada kakitangan Zon Cheras bagi mendapatkan pandangan sama ada pelaksanaan sumbangan tempat letak kenderaan ini perlu dikaji semula atau sebaliknya. Hasil tinjauan yang dibuat mulai 27 hingga 30 Mac 2018 menunjukkan sebanyak 84% kakitangan bersetuju supaya pelaksanaan sumbangan tempat letak kenderaan khas kakitangan berbayar ini dikaji semula. Berdasarkan hasil tinjauan tersebut, Mesyuarat Pengurusan (KKL) Bil.6/2018 bertarikh 5 April 2018 memutuskan bahawa satu Jawatankuasa *Task Force* Tempat Letak Kenderaan (Zon Cheras) diwujudkan bagi mengkaji semula pelaksanaan sumbangan tempat letak kenderaan khas kakitangan berbayar. Keanggotaan Jawatankuasa *Task Force* adalah terdiri daripada:

- i. Timbalan Pengarah Eksekutif Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL)
- ii. Timbalan Pengarah Eksekutif Kewangan, Jabatan Bendahari (KKL)
- iii. Timbalan Pengarah Strategi, Kualiti dan Penjanaaan, Pusat Strategi, Kualiti dan Penjanaaan (KKL)
- iv. Timbalan Pengarah Prasarana, Prasarana (KKL)
- v. Timbalan Pengarah (Pentadbiran) Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
- vi. Ketua Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL)
- vii. Ketua Jabatan Keselamatan HCTM
- viii. Ahli Mesyuarat Majlis Jabatan (MBJ) yang terdiri daripada wakil semua peringkat kumpulan kakitangan iaitu Kumpulan Akademik, Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik, Kumpulan Pelaksana daripada Kategori B (Gred 29 hingga 40), C (Gred 19 hingga 28) dan D (Gred 11 hingga 18).

3. Jawatankuasa *Task Force* ini bukan sahaja membincangkan mengenai pelaksanaan sumbangan tempat letak kenderaan khas kakitangan berbayar tetapi juga melihat pelaksanaan Polisi Tempat Letak Kenderaan yang sedia ada serta cadangan tempat letak kenderaan di bangunan bertingkat yang dijangka siap pada Disember 2018. Perkara-perkara yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Tempat Letak Kenderaan (Zon Cheras) telah diangkat ke Mesyuarat Pengurusan Kampus Kuala Lumpur untuk pertimbangan dan persetujuan ahli-ahli Mesyuarat. Setelah penelitian dibuat, Mesyuarat Pengurusan Kampus Kuala Lumpur Bil12/2018 bertarikh 7 Jun 2018 bersetuju bahawa:


- a) Sumbangan tempat letak kenderaan khas kakitangan berbayar dimansuhkan mulai 1 September 2018;
- b) Kakitangan yang terlibat masih boleh meneruskan pemotongan bulanan dengan menentukan nilai sumbangan sama ada sebanyak RM10.00 (sumbangan minimum)/ RM..... (nyatakan jumlah sumbangan) serta pilihan di antara ketiga-tiga tabung iaitu Tabung Ehsan Warga, Tabung Khazanah dan Tabung Kebajikan Pelajar. Pengesahan sumbangan **perlu** dibuat melalui pengisian dokumen Persetujuan Potongan Gaji Bagi Sumbangan Tabung yang dilampirkan pada **Lampiran 1**;
- c) Bagi kakitangan yang tidak bersetuju meneruskan potongan gaji bagi sumbangan tabung, kelayakan tempat letak kenderaan yang telah diperuntukkan sebelum ini adalah tidak terbatal **KECUALI** penguatkuasaan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
- d) Polisi Tempat Letak Kenderaan (Zon Cheras) berkuatkuasa 1 September 2018 (**Lampiran 2**); dan
- e) Pekeliling ini akan digunapakai selama mana ianya dianggap relevan dan tertakluk kepada kesesuaian masa dan kemampuan tanggungan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia.

4. Bagi perkara 3(b) di atas, kerjasama kakitangan yang terlibat adalah dipohon untuk mengembalikan Borang Pengesahan Potongan Gaji Bagi Sumbangan Tabung kepada Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL) **selewat-lewatnya pada 20 Ogos 2018**. Sekiranya pihak Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar (KKL) tidak menerima borang pengesahan daripada kakitangan yang terlibat, Bahagian ini menganggap bahawa kakitangan yang terlibat tidak bersetuju meneruskan potongan gaji bagi sumbangan tabung tersebut. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, YBhg. Prof./ Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh menghubungi Encik Muhamad Khairi Khalis ditalian 03-9145 5104 atau Puan Siti Hapidah Abd Hamid ditalian 03-9145 4991.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR. HJH INA MD YASIN

Timbalan Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k

- **YBhg. Prof. Datuk Dr. A Rahman A Jamal**
Pro Naib Canselor (KKL)
- **YBrs Tuan Haji Abd Razak Hussin**
Pengarah Eksekutif Pentadbiran
Jabatan Pendaftar
- **YBrs. En. Mokhsin Tumin**
Pemangku Pengarah Eksekutif Kewangan
Jabatan Bendahari
- **YBhg. Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy**
Dekan
Fakulti Perubatan
- **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah Haruna Rashid**
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

- **YBhg. Prof. Dr. Shamsul Azhar Shah**
Pengarah
Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- **YBrs. Puan Norini Mohamed**
Timbalan Pengarah Eksekutif Kewangan
Jabatan Bendahari (KKL)
- **YBhg. Prof. Dr. Rohaizak Mohamed**
Ketua
Pusat Islam (KKL)
- **YBrs. Dr. Mohd Hanafi Ahmad Damanhuri**
Pengetua
Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)
- **YBrs. Puan Rosnah Yusof**
Timbalan Ketua Pustakawan (KKL)
- **YBrs. Puan Zuraidah Konil**
Ketua
Bahagian Governan dan Pentadbiran
Jabatan Pendaftar (KKL)

Berlampiran